

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : 11 JUN 2015

**SOALAN : Datuk Seri Pamglima Haji Abdul Ghapur bin
Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI
LUAR NEGERI** menyatakan:-**

- (a)** apakah ada sebarang perundingan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Filipina mengenai tuntutan negara berkenaan terhadap negeri Sabah; dan
- (b)** jika ada, apakah status terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kalabakan atas soalan yang dikemukakan.

2. Malaysia tidak pernah mengakui dan tidak sekali-kali akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak (Filipina atau Kesultanan Sulu) ke atas sebahagian atau keseluruhan negeri Sabah. Status negeri Sabah dalam Persekutuan Malaysia adalah sah dan diterima oleh masyarakat antarabangsa. Hal ini terbukti dengan keputusan Suruhanjaya Cobbold yang mengadakan pungutan suara dan diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sekian, terima kasih.